

# Pas Kelantan dicabar laksana janji

UM - 6 MAY 2002

**L**ANGKAWI 5 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menca-  
bar kerajaan Pas di Kelan-  
tan menunaikan janjinya  
untuk membangunkan ne-  
geri itu sebagai mana yang  
dilakukan oleh kerajaan  
Barisan Nasional (BN) di  
negeri lain.

Menurut Perdana Men-  
teri, tidak ada sebab bagi  
kerajaan negeri itu tidak  
dapat membangunkan Kelan-  
tan jika BN berupaya  
melakukannya di negeri-  
negeri lain di bawah pen-  
tadbirannya.

"Dia (kerajaan Pas) kata  
kalau ada kerajaan, semua  
boleh buat (pembangu-  
nan)," katanya kepada  
pemberita selepas melaku-

kan lawatan kerja di Lang-  
kawi, hari ini.

Beliau menyatakan de-  
mikian ketika diminta me-  
ngulas dakwaan Ahli Par-  
limen Gua Musang, Teng-  
ku Razaleigh Hamzah  
bahawa kerajaan Pas Kelan-  
tan menggadai tanah  
yang dianggarkan seluas  
50,000 hektar di beberapa  
kawasan Hulu Kelantan  
kepada berpuluh-puluh  
syarikat swasta atas ala-  
san untuk pembangunan  
ladang kelapa sawit.

Tengku Razaleigh ber-  
kata, tindakan itu dikata-  
kan berpunca daripada ke-  
dudukan kewangan kera-  
jaan negeri yang dikata-  
kan semakin meruncing  
sehingga menyebabkan ia  
terpaksa menggadai ta-  
nah.

Berikutan tindakan ke-  
rajaan Pas itu, banyak pro-  
jek pembangunan di Hulu  
Kelantan dikatakan tidak  
dapat dilaksanakan, khu-  
susnya rancangan pembu-  
kaan tanah baru untuk  
penempatan rakyat, kata  
Ahli Parlimen Gua Mu-  
sang itu.

Ketika ditanya apa akan  
berlaku kepada nasib rak-  
yat negeri itu, Dr. Maha-  
thir berkata: "Saya tak  
tahu macam mana nak ka-  
ta."

"Saya tak berani nak  
kata," katanya ketika di-  
itanya sama ada jika perkara  
itu berlarutan ia akan  
menjejaskan Kerajaan Pu-  
sat.

Laporan itu juga mem-  
etik Tengku Razaleigh se-

bagi berkata bahawa se-  
belum BN mengambil alih  
tampuk pemerintahan di  
Kelantan pada 1980, kera-

jaan Pas ketika itu pernah  
menggadai tanah di Hulu  
Kelantan seluas 380,000  
hektar kepada sebuah sya-  
rikat asing di Singapura.

Bagaimanapun, Tengku  
Razaleigh berkata tanah  
terbabit ditebus semula  
oleh kerajaan BN apabila

mengambil alih tampuk  
pemerintahan di negeri itu  
daripada Pas pada 1980.